

01 SEP 2002

Sabah-Ople/I

OPLE PERTAHANKAN CARA TANGANI MASALAH PENDATANG DENGAN KL

MANILA, 1 Sept (Bernama) -- Filipina hari ini mempertahankan cara mereka menangani masalah pendatang tanpa izin dengan Malaysia, dengan mendakwa ia berasaskan kepada kepentingan nasional.

"Kami sewajarnya diberi kredit kerana tindakan muktamad kami telah membawa kepada perubahan ketara membabitkan keadaan pekerja Filipina di Sabah," kata Setiausaha Luar Blas Ople.

Beliau membuat kenyataan itu selepas para penggubal undang-undang dan kumpulan militan mengkritik beliau kerana "pengendalian yang lemah" terhadap dakwaan layanan buruk oleh Malaysia terhadap pendatang negara itu yang dihantar pulang dari Sabah.

Ople berkata kerajaan Malaysia telah menerima permohonan Presiden Gloria Arroyo supaya menangguhkan sementara penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina sementara menunggu kajian semua prosedur penghantaran pulang.

"Campur tangan langsung Presiden Arroyo mendapat simpati pemimpin tertinggi Malaysia berdasarkan hubungan setiakawan antara kedua-dua negara," katanya.

"Penangguhan sementara yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad merupakan keistimewaan yang hanya diberikan kepada pekerja Filipina di Malaysia," katanya.

Menurutnya dengan kebenaran Dr Mahathir itu, satu pasukan para doktor dan petugas kesihatan dari Filipina akan dihantar ke Kota Kinabalu esok untuk memberi bantuan kepada pekerja Filipina di Sabah yang memerlukannya.

Kerajaan Filipina juga akan menghantar pasukan antara agensi untuk berbincang dengan para pegawai Malaysia mengenai kaedah untuk memperbaiki proses penghantaran pulang pekerja.

Ople juga berkata keadaan di pusat ketibaan di Bongao, Tawi-Tawi, telah diperbaiki dengan pihak berkuasa tempatan menyediakan pelbagai bantuan.

"Ketua kampung turut memasak untuk pekerja yang dihantar pulang," katanya.

Ople menyifatkan hubungan dua hala Malaysia-Filipina sangat kukuh.

Malaysia adalah anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang sentiasa memperjuangkan kedaulatan dan integriti Filipina dengan menghantar para pegawai untuk menyusun perjanjian gencatan senjata antara kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro, katanya.

"Ia merupakan sumbangan penting kepada keamanan dan kedamaian di selatan Filipina," kata Ople.

Menurutnya Malaysia juga menghantar pulang bekas pemberontak Nur Misuari kepada Filipina untuk dihadapkan ke mahkamah.

-- BERNAMA

LBJ AT LAT